



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

LHDNM SUMBANG CERMIN MATA DAN ALAT BANTUAN MENGAJAR

Muar, 8 Julai 2018 – Dalam usaha untuk meringankan beban rakyat dan membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) hari ini memberikan sumbangan cermin mata kepada 39 orang pelajar yang mempunyai masalah penglihatan dan empat unit Alat Bantuan Mengajar (ABM) kepada empat buah sekolah di sekitar Daerah Muar, Johor.

Penyerahan sumbangan cermin mata dan ABM tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan yang juga merupakan Ahli Parlimen Muar di Dewan Sekolah Kebangsaan Parit No. 5, Muar, Johor. Turut hadir ialah Encik Abdul Manap Dim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDNM, En. Mohd Ramli A.Wahid, Pengarah LHDNM Negeri Johor dan pegawai-pegawai kanan dari LHDNM serta pemimpin-pemimpin masyarakat dari sekitar Daerah Muar.

Pelajar yang menerima sumbangan cermin mata ini juga merupakan pelajar yang kurang berkemampuan berdasarkan rekod pihak sekolah. Manakala sekolah yang menerima ABM tersebut ialah Sekolah Kebangsaan No. 5 Jalan Yusof, Sekolah Kebangsaan Parit Yusof Semerah, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kwang Wahyu dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Hau Lim, Muar.

Menurut En. Abdul Manap Dim yang hadir sebagai mewakili Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, dengan sumbangan ini, LHDNM berharap ia dapat meningkatkan tumpuan dan motivasi pelajar-pelajar tersebut untuk mencatat kecemerlangan dalam pendidikan. LHDNM turut berharap agar program seumpama ini mampu menerbitkan kesedaran dalam kalangan para pelajar betapa pentingnya aspek penjagaan mata sebagai deria penglihatan yang utama.

Yang Berhormat Tuan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan dalam ucapan perasmiannya memuji usaha LHDNM berkongsi kemakmuran dengan rakyat yang memerlukan melalui program sebegini. Ujar beliau lagi agensi kerajaan baik pada peringkat persekutuan mahu pun negeri wajar mencontohi usaha LHDNM ini dan memainkan peranan masing-masing dalam usaha membantu kerajaan mensejahterakan kehidupan rakyat. Beliau turut percaya sumbangan cermin mata kepada pelajar dan ABM kepada sekolah yang terpilih ini akan dimanfaatkan oleh mereka sebaiknya serta dapat mengurangkan beban keluarga penerima sumbangan tersebut serta pihak sekolah dalam menyediakan kelengkapan untuk pembelajaran.

Sebagai rekod, dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar di negara ini, LHDNM telah memberikan sumbangan cermin mata kepada 150 orang pelajar kurang berkemampuan di kawasan Bachok dan Tumpat, Kelantan dan menyerahkan sumbangan 44 buah Alat Bantuan Mengajar kepada sekolah serta Jabatan Pendidikan Daerah di Kedah, Kuala Lumpur, Terengganu dan Pulau Pinang sebelum ini.



Gambar 1 : YB Tuan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan merangkap Ahli Parlimen Muar, menyampaikan alat bantuan mengajar kepada wakil Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kwang Wahyu, Muar.



Gambar 2: YB Tuan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman bergambar bersama-sama wakil sekolah yang menerima alat bantuan mengajar.



Gambar 3: YB Tuan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, menyarungkan cermin mata kepada pelajar sambil disaksikan oleh YBrs. En. Abdul Manap Dim dan YBrs. En. Mohd Ramli A.Wahid.



Gambar 4: YB Tuan Syed Saddiq Abdul Rahman bersama-sama sebahagian daripada penerima cenderamata.

#

Sekian, Terima Kasih

Moving  **Towards**
Together Excellence

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21676 / 21668 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 8 Julai 2018

Kenyataan Media LHDNM, 8 Julai 2018